

**SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN APRIL TAHUN 2025
(DPT BLN4/2025)**

DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN APRIL 2025 (DPT BLN4/2025)

1. DPT BLN4/2025 telah diperaku dan diwartakan pada 21 Mei 2025 dan akan **dibuka untuk semakan selama 30 hari mulai 21 Mei 2025 hingga 19 Jun 2025.**
2. DPT BLN4/2025 ini mengandungi seperti berikut:
 - (a) **32,566** orang warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas pada 1 April 2025 hingga 30 April 2025 yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu;
 - (b) **13,058** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya; dan
 - (c) **2,016** orang pemilih bertukar kategori pengundi/ status.
3. DPT BLN4/2025 boleh disemak melalui kaedah-kaedah berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
 - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
 - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
 - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
 - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218.**

TUNTUTAN

1. Dalam tempoh semakan ini, warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas pada 1 April 2025 hingga 30 April 2025 atau pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran kategori pengundi/ status dalam tempoh 1 April 2025 hingga 30 April 2025 yang mendapati namanya **tiada** dalam DPT BLN4/2025 boleh mengemukakan **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C**.
2. Selain itu, mana-mana pemilih yang namanya ada dalam DPT BLN4/2025 mendapati terdapat kesilapan maklumat atau **kesilapan kawasan pendaftaran** juga boleh mengemukakan **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C**.
3. **TUNTUTAN** boleh dikemukakan secara dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja. **Tiada** bayaran dikenakan bagi tuntutan.

BANTAHAN

1. Dalam tempoh semakan ini juga, mana-mana pemilih berdaftar di suatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya, hendaklah mengisi **Borang D**.
2. **BANTAHAN** boleh dikemukakan **secara dalam talian** di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau **memuat turun** Borang D dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>.
3. Seorang pembantah dibenarkan membantah **tidak boleh melebihi 20 nama dengan bayaran fi sebanyak RM10 bagi setiap orang yang dibantah (OKB)**.
4. Pembantah hendaklah **hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** untuk mengemukakan Borang D (sekiranya menggunakan borang yang dimuat turun) serta bayaran fi bagi bantahan tersebut termasuklah bagi permohonan yang dibuat secara dalam talian.